

UPM hanya sediakan tempat penginapan atlet Sukma

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjelaskan bahawa keselamatan atlet di Perkampungan Sukan Malaysia (Sukma) 2013 di universiti berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Keselamatan Sukma.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, universiti berkenaan hanya membantu jawatankuasa itu yang turut bertanggungjawab mengawal penginapan, lalu-lintas dan kolej pengina-

pan atlet sepanjang Sukma it berlangsung.

"UPM telah menyerahkan tanggungjawab kepada jawatankuasa berkenaan berkenaan aspek keselamatan atlet.

"UPM hanya menyediakan tempat penginapan dan mengawal di luar kolej penginapan atlet," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Fauzi berkata, mengikut peraturan, semua bahan larangan termasuk arak, dicegah dibawa masuk ke dalam universiti

berkenaan.

"Bahagian Keselamatan UPM hanya membenarkan kemasukan atlet dan pegawai yang mempunyai pas ke kolej penginapan tetapi tidak mempunyai bidang kuasa melakukan pemeriksaan barangan dalam kenderaan mereka," katanya.

Beliau berkata, UPM juga akan sentiasa bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dan polis berhubung siasatan terhadap insiden di Perkampungan Sukan itu.